

Perpecahan Bangsa dan Penyelesaian

Penulis :

Hj Fadzil Mohd Nor

Hj Abdul Hadi Awang

© Hak Penerbit Terpelihara

Cetakan pertama November 1988

Penerbit:

Dewan Pemuda PAS Malaysia

28A, Jalan Pahang Barat

Islamic City

53000 Kuala Lumpur

Dengan kerjasama:

GG EDAR

KUALA LUMPUR.

Aluan Penerbit

Assalamu'laikum Wr. Wb.,

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Azza Wa-jalla kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Dewan Pemuda PAS Pusat dengan kerjasama GG Edar dapat menerbitkan sebuah buku kecil yang berjudul : PER-PECAHAN BANGSA DAN PENYELESAIAN

Dengan terbitnya buku kecil ini amatlah diharapkan akan menjadi suatu model ke arah penyelesaian problem-problem perpecahan masa kini.

Ianya juga diharapkan menjadi suatu perintis yang akan berterusan sehingga citra-cita perpaduan benar-benar menjadi realiti di negara ini, Insya Allah.

Wassalam.

Muhammad bin Husin

Setiausaha

Dewan Pemuda PAS Pusat

6 Nov 1988



**Masalah
Perpecahan Bangsa
dan
Penyelesaiannya**

**Oleh :
Haji Fadzil Mohd. Noor**

MASALAH PERPECAHAN BANGSA dan ASAS PENYELESAIANNYA

Perpecahan bangsa Melayu pernah berlaku, sejak zaman sebelum penjajahan terutama dalam konteks bangsa Melayu di Semenanjung yang menjadi tumpuan perbincangan seterusnya.

Peperangan sesama bangsa Melayu pun pernah terjadi. Perpecahan itu disebabkan oleh kepentingan-kepentingan golongan dan pemimpin. Meskipun bangsa Melayu telah pun memeluk Islam masa itu, tetapi kefahaman mereka terhadap Islam sangat terhad. Pengaruh adat resam yang bercanggah dengan Islam tetap bertapak kuat. Ini mungkin kerana bangsa Melayu menerima Islam tidak di waktu keagungan Islam dan tidak di waktu kekuatan umatnya menguasai kehidupan dunia.

581328 5

10 JUN. 1992
Perpustakaan Negara

Islam tiba di tanahair kita di saat kekuatan umatnya sudah mulai menurun, di saat ia telah mengalami krisis dan perpecahan. Baghdad yang menjadi ibukota Islam yang besar dan digeruni telah mulai menurun, ia seakan-akan sedang menunggu saat kejatuhan.

Ini tidaklah pula menafikan peranan para ulamak Islam yang bekerja untuk memantapkan aqidah dan ajaran Islam dalam pemikiran masyarakat. Mereka terus meniupkan tunutan perpaduan umat sebagai suatu perkara yang dasar, terutama di zaman-zaman perjuangan menentang penjajahan.

Perpecahan yang wujud itu menjadi satu faktor yang memudahkan penaklukkan dan penjajahan berlaku, bukan sahaja ke atas tanahair kita tetapi juga ke atas dunia Islam lainnya.

Usaha-usaha untuk menyatukan bangsa Melayu berlaku terutama dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Isu kemerdekaan telah dijadikan asas bagi mewujudkan perpaduan bangsa, sekali pun terdapat perbezaan-perbezaan pandangan, pendekatan dan semangat serta cita-cita. Tetapi masing-masing mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mengusir penjajah dan mencapai kemerdekaan.

Ada orang berkata perpecahan di kalangan bangsa Melayu kini bermula apabila Partai Islam SeMalaysia (PAS) ditubuhkan. Ini mungkin kerana melihat PAS yang ditubuhkan selepas UMNO, masih tetap kukuh dan berkembang meskipun ia telah menempuh berbagai mehnah dan fitnah berbanding dengan pertubuhan-pertubuhan politik yang lain. Perkem-

bangsa PAS bukan semata-mata kerana ia didokong oleh orang-orang Melayu/Islam seperti yang dianggap oleh setengah golongan seperti golongan cendekiawan, tetapi kerana kekuatan dasar Islam yang mendasari perjuangan PAS, kekuatan aqidah perjuangan yang didasarkan kepada cita-cita untuk mendapat keredhaan Allah SWT dan perlaksanaan syariat-Nya.

Perpecahan UMNO-PAS adalah satu perpecahan yang berasas, iaitu pemisahan antara cita-cita perjuangan yang berlandaskan nasionalisme di pihak UMNO dengan cita-cita perjuangan yang berlandas dan berorientasikan Islam bagi pihak PAS. Meski pun dalam saat-saat tertentu PAS menonjolkan isu-isu bangsa Melayu dalam konteks untuk memperkuuhkan kedudukannya sebagai bangsa peribumi yang merupakan bangsa yang utama yang mendokong Islam di negara kita, dan supaya dapat diberi kedudukan yang lebih jelas dan terjamin antara bangsa tuan hak yang menjadi rakyat negara ini dan yang bukan menjadi rakyat pada masa itu.

Tetapi pandangan-pandangan PAS pada waktu itu dianggap sebagai suatu sikap perkauman oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Tuntutan-tuntutan supaya diperlengkapkan lagi jaminan-jaminan perundungan kepada kedudukan bangsa Melayu dipandang sebagai tuntutan perkauman pada waktu itu.

Sekarang ternyata bahawa sikap enggan menerima pandangan-pandangan positif itu telah mencetuskan perpecahan dan kadang-kadang ketegangan antara sesama bangsa Melayu khususnya dan rakyat Malaysia umumnya yang tidak dicari

suatu penyelesaian yang tepat, ia akan lebih membimbang dan mencemaskan masa depan bangsa dan negara. Ternyata sekarang dasar-dasar yang dipertahankan oleh UMNO untuk perpaduan ketika itu iaitu dasar yang popular dalam UMNO ialah dasar ‘bertolak ansur’. Bahawa dasar itu telah membawa perpecahan sekarang, terutama sekali di kalangan sesama UMNO apabila pemimpin-pemimpinnya tidak dapat lagi mengamalkan dasar bertolak ansur tadi dan bila mereka merasakan dasar itu tidak menjamin kepentingan masing-masing.

Di zaman penjajahan dulu, langkah-langkah yang lebih agresif dilakukan untuk menambahkan Perpecahan dengan dasar ‘pecah dan perintah’. Tepat seperti Firaun memecahbelahkan rakyatnya untuk mengekalkan kuasa. ‘Ia (Firaun) menjadikan rakyatnya berpecah-pecah’. Penjajah menyedari bahawa asas yang paling kukuh untuk membina perpaduan umat ialah melalui aqidah tauhid yang mantap dan murni. Aqidah yang bukan sahaja mengikat perpaduan antara sebangsa, malah perpaduan antara berbilang bangsa. Lantaran itu usaha-usaha dibuat untuk memisahkan umat Islam dari aqidah yang kukuh ini. Mereka berjaya membentuk suatu jenerasi bangsa yang tidak kenal Islam kecuali seperti mereka mengenal agama mereka. Islam hanya dikenali sebagai suatu sistem kepercayaan yang terpisah dari kehidupan, bukan lagi sebagai suatu cara hidup yang lengkap dan sempurna. Mereka berjaya melahirkan percanggahan pemikiran di kalangan masyarakat Islam yang dijajah. Apabila mereka keluar, mereka meninggalkan bangsa yang dijajah itu dalam perpecahan dan percanggahan. Mereka meninggalkan bangsa yang lupa syakhsiah atau identiti yang murni dan padu. Atau mengikut

Ali Syariati, bangsa yang melupai zatnya. Mereka meninggalkan bangsa yang hanya berfikir dalam lingkungan sentimen kebangsaan yang sempit yang memisahkan mereka dari ikatan Islam yang murni dan kesemestaan sifatnya. Mereka berjaya seperti kata Malik bin Nabi, melahirkan jenerasi yang terdidik di Eropah dengan pandangan sebelah wajah sahaja. Mereka tidak dapat melihat Islam dalam seluruh wajahnya.

Golongan yang terdidik seperti inilah yang mewarisi perintahan negara selepas penjajahan, bukan sahaja di negara kita, malah di seluruh dunia Islam yang dijajah. Golongan yang dipercayai penjajah itu dapat mengekalkan pengaruh pemikiran dan kepentingan mereka selanjutnya.

Apabila kita mencapai kemerdekaan, kita mewarisi bersama masalah yang diciptakan oleh penjajah dan masalah yang paling besar ialah masalah pemikiran. Kita lupa yang dikurniakan Allah SWT aqidah tauhid dengan segala pancaran sistem hidup yang lengkap, kita lupa bahawa kita telah dikurniakan Kitab Al Quran yang telah dapat menegakkan tamaddun insani yang unggul. Kita meminjam segala afkar yang asing dari aqidah kita. Ini yang menyebabkan kita menjadi pecah.

Sekarang kita tidak boleh lagi meletakkan kesalahan kepada penjajah, sebaliknya kita mestilah mengakui kesalahan kita sendiri kerana sikap penerimaan secara berterusan akan pemikiran penjajah. Terdapat dalam dunia Islam pada masa ini pemimpin-pemimpin yang lebih sosialis dari pendiri-pendiri pemikiran sosialisme sendiri, terdapat pemimpin-pemimpin yang begitu fanatik dengan nasionalisme daripada

pengasas-pengasas nasionalisme itu sendiri. Inilah yang melanjutkan pertentangan dan perpecahan bangsa dan umat berterusan.

Meskipun terdapat usaha-usaha yang dilakukan oleh pemerintah bagi mewujudkan perpaduan bangsa, tetapi usaha-usaha itu tidak merupakan suatu yang prinsipal. Ia dilihat sekadar bertujuan mencapai matlamat mengekalkan kuasa dan kedudukan golongan. Percantuman yang berlaku antara UMNO-PAS 1973-1978 selepas Peristiwa 13 Mei 1969 adalah didorong oleh sentimen ini. Sebab itu bila kedudukan sudah dirasai kuat, dengan alasan yang sangat tipis, PAS disingkirkan dari kuasa pemerintahan. Lebih jelas kenyataan ini dapat dilihat semasa PAS menguasai negeri Kelantan, dasar diskriminasi Kerajaan Pusat jelas terbukti ke atas PAS di Kelantan. Sentimen kebangsaan bertukar menjadi sentimen kepartaian dan yang lebih penting bagi mereka ialah kepentingan diri dan partai lebih dari kepentingan perpaduan antara sebangsa. Perpaduan hanya menjadi topik perbincangan ketika bangsa menghadapi sesuatu ancaman. Sedangkan menurut Islam, perpaduan adalah suatu yang amat prinsipal.

Apabila kita melihat perpecahan yang berlaku sekarang, yang merupakan perpecahan antara pemimpin dengan pemimpin dalam UMNO, perpecahan yang mengheret pengikut-pengikut masing-masing dalam pertarungan merebut pengaruh dalam parti bagi menduduki tempat yang sekaligus berkuasa dalam negara. Isu perpecahan dalam UMNO sebenarnya telah menutup isu-isu yang lebih relevan dengan umat

dan bangsa. Isu-isu kemiskinan, ketidakadilan, penyalahgunaan kuasa, rasuah, pilih kasih dan kegagalan Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya telah ditenggelami oleh isu perpecahan ini. Perpecahan yang bertolak bukan dari perbeaan dasar atau prinsip, tetapi bertolak dari perasaan tidak puas hati antara dua kelompok dalam UMNO. Sikap pucuk pimpinan UMNO mengutamakan orang-orang baru dalam UMNO dan mula berenggang dengan orang-orang lama yang dianggap berjasa dalam UMNO menjadi satu dari sebab-sebabnya. Walaubagaimanapun ianya sudah merupakan suatu perpecahan yang mempunyai kesan kepada anggota-anggota partai itu sendiri yang belum pernah berlaku seperti itu dalam krisis-krisis UMNO sebelumnya.

Keputusan mahkamah mengistiharkan UMNO sebagai pertubuhan yang tidak sah samada dirancang atau sebaliknya telah memberi peluang kepada pucuk pimpinan UMNO Baru untuk menyusun dan mengukuhkan kedudukan mereka. Ini menambahkan lagi ketajaman perpecahan itu. Saya rasa ianya suatu perpecahan yang tidak boleh dibuat dengan menjadikan tawaran jawatan menteri sebagai pilnya.

Suatu yang lebih aneh, apabila terdapat segolongan yang dikatakan sebagai cendekiawan Melayu membuat memorandum empat perkara yang membatasi perpecahan dan perpaduan bangsa kepada empat orang sahaja. Memorandum itu memperlihatkan pandangan yang sempit terhadap isu perpaduan bangsa dan umat oleh golongan cendekiawan yang masih terikat pemikiran mereka dengan semangat nasionalisme yang sempit.

Perpecahan yang berlaku di kalangan pemimpin dan bekas pemimpin UMNO itu sekarang tidak lagi berkisar di sekitar perbezaan cara dan gaya kepimpinan tetapi telah melibatkan yang lebih mendalam. Soal-soal kezaliman, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan atau seperti yang disebut oleh mereka ‘dictatorship yang obsolete’. Semua itu menjadi perkiraan dalam perpecahan yang berlaku sekarang. Jadi kalau orang itu yang ditonjolkan sebagai faktor-faktor perpecahan maka ianya difikirkan boleh dengan mudah diselesaikan. Menerima semula kepimpinan UMNO yang ada sekarang oleh golongan yang dianggap serpihan, bererti menerima seluruh penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta kezaliman yang didakwakan. Dan sekaligus akan melibatkan rakyat seluruhnya terus dikongkong dengan suatu bentuk kezaliman dan penyalahgunaan kuasa. Apakah ini dapat diterima oleh rakyat dan oleh golongan yang dikatakan cendekiawan itu?

Penyelesaian kepada masalah perpecahan mestilah dilihat dan difikirkan dengan cara yang lebih mendalam, dengan sikap yang penuh kesediaan untuk merubah sifat-sifat batin yang penuh dengan dendam, angkuh dan keakuan. Allah SWT berfirman yang maksudnya, ”Allah tidak akan merubah keadaan yang ada pada sesuatu kaum, sehinggalah kaum itu sendiri merubah apa yang ada pada diri mereka”.

Selain dari itu, barangkali sudah menjadi tradisi dalam UMNO dan kepimpinannya melakukan sesuatu tindakan yang besar tanpa mengadakan musyawarah yang sewajarnya. Ini didedahkan sendiri oleh pemimpin tertinggi UMNO. Datuk Sri Dr. Mahathir pernah menyebutkan ba-

hawa pemisahan Singapura dari Malaysia umpamanya dibuat tanpa mengadakan perundingan yang sewajarnya. Datuk Musa Hitam pula menyatakan cara Dr. Mahathir mendapatkan persetujuan atas sesuatu rancangannya dengan mengadakan syarahan yang panjang dalam mesyuarat kabinet atau Majlis Tertinggi UMNO, kemudian mendapatkan sokongan dari kelompok yang sentiasa menyokongnya. Pandangan-pandangan yang kritis seakan-akan tidak mempunyai tempat dalam kepimpinannya.

Kerana itu sesuatu rancangan yang berjalan sentiasa menjadi kabur. Penerapan nilai-nilai Islam umpamanya lebih merupakan rancangan peribadi seorang dua pemimpin dan yang lain menerimanya, tanpa diperjelaskan apakah programnya dari tahap ke tahap, apakah matlamatnya, apakah ia bertujuan menjangkau tahap perlaksanaan Islam yang syamil dan lengkap, atau ianya masih dalam skima sekularisme. Kekaburan seperti ini juga menimbulkan bukan sahaja pertentangan antara sesama pemimpin UMNO, malah di kalangan pemimpin Melayu dan Islam seluruhnya.

Saya menyebut ini bukan kerana ingin campur urusan dalam rumah tangga UMNO tetapi kerana ianya melibatkan bangsa dan negara seluruhnya. Mungkin bagi setengah kalangan memandang perpecahan sekarang sebagai suatu yang serious kerana ia mengancam kedudukan dan falsafah nasionalisme yang menjadi teras dan dasar UMNO. Nasionalisme yang dianggap sebagai teras perpaduan itu ternyata sekarang ialah yang menjadi faktor menghancurkan perpaduan.

Soalnya sekarang bagaimakah harus dilakukan usaha untuk mengembalikan perpaduan, bukan perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO sahaja, tetapi perpaduan di kalangan bangsa dan umat seluruhnya. Kalau bangsa dan pemimpin Melayu sungguh-sungguh mahukan perpaduan, suatu asas yang kukuh mestilah diterima.

Kerajaan ada menjalankan usaha mewujudkan perpaduan berdasarkan semangat nasionalisme; suatu falsafah yang pada prinsipnya terpisah dan berlawanan dengan Islam. Dari segi sejarahnya nasionalisme dicipta untuk menggantikan agama mereka Kristian. Kerana sejarahnya yang panjang yang melahirkan penindasan dan kongkongan fikiran yang begitu ketara di dunia Barat.

Sejarah hitam seperti itu tidak perlu berlaku dalam hubungan Islam dan kehidupan. Islam tidak pernah mengongkong kegiatan berfikir. Islam sentiasa memberi tempat yang tinggi kepada aqal dan ilmu.

Di saat Islam menguasai pemikiran umat, di waktu itulah kemajuan ilmu dan pemikiran berkembang pesat. Prof. Raja Garudi menyatakan; "Tamaddun Barat yang berdasarkan tamadun Greek pada hakikatnya tidak bermula dari Itali, tetapi bermula dari Sepanyol, hasil dari pancaran dan cahaya ilmu dan kebudayaan orang-orang Islam Arab. Cuma malang bagi orang-orang Barat kerana mereka hanya mengambil metode eksperimen dari tamaddun Islam, tetapi tidak mengambil aqidah yang mengarahkan tamaddun itu kepada Allah SWT dan mereka tidak menganggap pemeliharaan aqidah itu suatu sumbangan besar kepada kemanusiaan.

Kita patut belajar dari pengalaman sendiri dan juga pengalaman umat Islam seluruhnya. Bangsa Arab umpamanya telah mencuba untuk membangun semula dengan berbagaiisme dan falsafah rekaan manusia, dengan sosialisme Arab dan sebagainya. Tetapi ternyata semua itu telah membawa kegagalan dan perpecahan. Kerana semua faham-faham itu berlawanan dengan dhamir dan hati umat Islam yang berteraskan aqidah tauhid dengan tuntutannya tersendiri.

Inilah yang mesti kita fahami sebagai bangsa yang mendokong aqidah itu. Kita berdepan dengan cabaran di dalam dan di luar. Perpaduan kita tidak boleh dibina di atas dasar yang rapuh, atas dasar nifaq dan kepura-puraan, seperti yang disebut dalam Al Quran yang bermaksud: "Kamu menyangka mereka bersatu, sedangkan hati mereka berpecah-pecah". Kita hendaklah membina perpaduan kita dari hati yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, dari hati yang dapat dikikis sifat-sifat angkuh, keakuan dan dendam. Dari hati yang bersedia untuk bermusyawarah dan memperbaiki diri.

Pemimpin-pemimpin bangsa mestilah bersedia merubah sikap, mesti bersedia mendengar pandangan yang berlainan dari pandangan sendiri dan menimbang dengan baik pandangan-pandangan itu. Masyarakat Islam dibentuk di atas nilai-nilai akhlak yang terpuji. Ia tidak dibentuk di atas slogan yang mati, sebaliknya ia dibentuk di atas suatu dasar yang nyata yang dijelaskan secara praktis dalam persaudaraan Muhajirin dan Ansar yang menjadi Piagam Perpaduan yang membawa makna yang besar dalam pemikiran dan kehidupan.

Perpaduan yang kukuh tidak dapat dicapai dengan sognakan wang ringgit. "Kalau engkau belanjakan segala kekayaan dibumi, engkau tidak dapat menjinakkan hati mereka, tetapi Allah yang menjinakkan antara mereka", (maksud Al-Quran). Bangsa Melayu hendaklah kembali kepada syahsiyahnya, kepada zatnya yang Islam. Apa alasan kita tidak mahu menerima Islam sebagai penyelesaian dan sebagai dasar dalam perpaduan dan perancangan kehidupan bangsa dan negara? Adakah kerana kita memikirkan kita berada di tengah-tengah masyarakat yang maju membangun? Atau kerana negara kita adalah negara berbilang kaum? Adakah Islam pernah menghalang kita mencapai kemajuan yang tinggi dalam kebendaan? Islam tidak pernah menghalang. Kita terus terjerumus ke dalam pembangunan yang terpisah dari keimanan kepada Allah SWT. Pembangunan material kerana material, menjadi rakus tanpa menghiraukan adil atau zalim, sah atau batil. Prof. Garudi dalam satu ucapannya menyatakan bahawa dunia Barat sekarang sangat perlukan Islam lebih dari masa-masa yang lalu, agar ia akan dapat memberi erti kepada hidup ini. Beliau menyatakan, bukankah Islam yang telah memberikan kepada manusia suatu fikrah mengenai kekuasaan tertinggi, fikrah tentang jamaah dan bekerja untuk kebaikan jamaah. Islam memberikan itu dalam suatu suasana masyarakat yang sedang menuju kepada pemujaan individu. Islam telah dapat mengembalikan kepada manusia keyakinan mengenai kemanusiaan mereka yang sebenar.

Apakah yang dibimbangkan kalau Islam menjadi dasar perpaduan dan kenegaraan dalam negara berbilang kaum?

Islam tidak pernah menyekat kebebasan berfikir, Islam membenarkan konsep tiada paksaan dalam beragama. Sejarah menunjukkan kalau Islam tidak membenarkan kebebasan sudah tentu ia boleh melenyapkan agama Kristian dari Mesir, Syam dan lain-lain kawasan negara Islam. Tetapi ternyata Islam tidak berbuat demikian. Agama Kristian masih ada di sana. Bahkan Islamlah yang membebaskan paderi-paderi Kristian ortodoks dari penjara kerajaan Roman Katholik di Mesir.

Di bawah naungan pemerintahan Islamlah mereka merasai kemerdekaan dan kebebasan yang sebenarnya. Orang-orang Qibthi, Barbar dan lain-lain kaum yang berada di Sham, Iraq, Mesir, Moroko dan Sepanyol tidak dipaksa memeluk Islam. Sebaliknya mereka dengan relahati menerima Islam, sehingga lahir di kalangan mereka ulamak-ulamak , ahli-ahli fikir Islam yang terkemuka. Di zaman pemerintahan Hisham bin Abdul Malik apabila beliau bertanya tentang siapakah faqih (ahli hukum yang terkemuka) di Basrah, Kufah, Madinah, Mesir dan Syam yang merupakan kota-kota yang terbesar pada waktu itu, maka hanya Al-Auzaie seorang sahaja yang berbangsa Arab. Beliau seorang faqih Syam sementara yang lain-lain semuanya dari bangsa Ajam (bukan Arab).

Kita hendaklah mengemukakan Islam dengan cara yang meyakinkan dengan ilmu dan perlaksanaan. Nilai-nilai akhlAQ yang tinggi seperti adil, amanah hendaklah di praktikkan dalam amalan pemerintahan. Bukan hanya suatu slogan yang mati.

Suatu unsur yang penting yang diberi penekanan oleh Islam dalam falsafah politiknya ialah meneenai hubungan antara pemerintah dan rakyat di mana pemerintah berhak mendapat ketaatan, dan rakyat berhak membatalkan ketaatan itu apabila didapati pemerintah melakukan tindakan yang menyalahi syariat. Inilah yang dibuktikan oleh Sayyidina Umar Ibnul-Kattab apabila beliau menjelaskan dari mana beliau mendapat bahagian pakaian yang lebih apabila beliau ditanya oleh seorang pemuda yang enggan memberikan ketaatannya kepada beliau selagi beliau tidak memberi penjelasan yang memuaskan.

Sebuah kerajaan yang kuat ialah sebuah kerajaan yang hubungan pemerintah dengan rakyat terjalin dengan baik berasaskan keadilan dan kesetiaan, tanpa diskriminasi pernindasan, pilihkasih dan rasuah.

Kita optimis, perpaduan bangsa akan dapat dicapai sebagai perpaduan yang berkesan apabila pemimpin-pemimpin bangsa bersedia berfikir dan menerima Islam sebagai pilihan yang mendasari pemerintahan dan perpaduan.

HAJI FADZIL BIN MOHD NOOR

Timbalan Yang Di Pertua

Partai Islam SeMalaysia (PAS)

Alor Setar

KEDAH DARUL AMAN.



Haji Abdul Hadi Awang

**Perpaduan
Menurut
Perspektif Islam**

**Oleh :
Haji Abdul Hadi Awang**

PERPADUAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

**(SATU KUPASAN DARI SUDUT REALITI
DAN KEPERLUAN DI MALAYSIA).**

Matlamat

Perpaduan ummah adalah tuntutan Ad Deen yang menjadi kewajiban kepada kaum Muslimin yang diistiharkan di dalam Al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

Firman Allah Taala:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَنْفَرُوا

maksudnya :

*“Berpeganglah kamu semua dengan tali Allah dan
janganlah kamu berpecahbelah.” Ali Imran : 103*

Sabda Rasulullah SAW:

مثُلَ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحِمِهِمْ وَتَعَااطِفِهِمْ كَمُثُلَ الْجَسَدِ
الْوَاحِدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عَضْوٌ تَدْعَى لِهِ سَائِرُ الْجَسَدِ
بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى - متفق عليه.

maksudnya :

“Bandingan orang-orang yang beriman dari segi kasih mengasihani, sayang menyayangi dan tolong-menolong di antara sesama mereka laksana satu jasad, apabila satu anggota mengadu sakit menyebabkan seluruh anggota berjaga dan demam.”

Muttafaqun 'alaih

Demikianlah persaudaraan yang dijalankan oleh Islam yang tidak boleh dilakukan oleh sebarang jalinan dan ikatan yang lain, kerana hubungan yang diikat di kalangan manusia itu tidak semudah mengikat batu-bata bangunan, kerana manusia itu mempunyai fitrah yang mesti diambil kira dalam pembentukan individu yang menjadi juzuk kepada jamaah dan masyarakat yang besar dan pembentukan individu juga mempunyai peranan yang besar dalam membentuk perpaduan jamaah dan masyarakat itu.

Firman Allah Ta'ala:

لَوْأَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا أَلْفَتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلْفَ بَيْنَهُمْ ٦٣ شِرْوَفُ الْأَنْفَال

maksudnya :

"Walaupun kamu membelanjakan semua kekayaan yang ada dibumi nescaya kamu tidak dapat mempersatukan hati mereka tetapi Allah telah mempersatukan hati mereka"

Al-Anfaal : 63

Hubungan yang diikat oleh aqidah yang melahirkan sifat taqwa itu dan menghapuskan segala unsur kepentingan diri, asobiyah bangsa, puak dan lain-lain, berjaya memelihara hubungan sesama manusia tanpa menjajaskan kepentingan masing-masing dan saling menghormati kepentingan masing-masing membawa pula ketundukan kepada penyesalan apabila berlaku perselisihan yang menjajaskan perpaduan.

Firman Allah Ta'ala:

فَإِنْ تَنْزَعْمُ فِي شَيْءٍ فَرُدُّهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ٥١ شِرْوَفُ النِّسَابِ
maksudnya:

"Maka jika kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara maka kembalikanlah kepada Allah (Quran) dan Rasul (Sunnah Rasulullah SAW) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang demikian itu lebih utama bagi kamu dan lebih baik penyelesaiannya."

An-Nissa' : 59

Firman Allah Ta'ala:

فَإِنْ طَابَنَا
مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَفْتَلُوا فَأَصْلِحُوهُ أَيْنَمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَانَهُمَا
عَلَى الْآخَرِ فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبَغِي حَقًّا يَبْغِي إِلَيْهِ أَمْرُ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ
فَأَصْلِحُوهُ أَيْنَمَا بِالْعَدْلِ وَأَفْسِطُوا إِلَيْهِ اللَّهُ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٩﴾
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

maksudnya:

"Dan jika dua golongan dari orang-orang yang beriman berperang maka damaiakanlah di antara ke-duanya, jika salah satu dari kedua golongan itu melampaui batas, maka perangilah yang melampaui batas itu sehingga kembali kepada perintah Allah, jika golongan itu kembali kepada perintah Allah maka damaiakanlah di antara keduanya dengan 'adil, dan berlakulah 'adil, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang 'adil". Al-Hujurat : 9

Umat Islam di zaman kegemilangan mereka telah membuktikan kejayaan membentuk masyarakat yang berpadu di alam nyata dengan berpegang kepada ajaran Islam yang menepati fitrah manusia, bukan tiada kekhilafan dan pertelingkahan di kalangan mereka, tetapi pertelingkahan dan kekhilafan yang berlaku tidaklah memesong dan memecahkan mereka dari prinsip sehingga menjaskan kepentingan

asasi. Di mana apa yang berlaku itu menjadi bukti yang tidak dapat dinyatakan secara praktikal oleh semua agama yang lain daripada Islam dan oleh sebarang ideologi moden yang berselerak di zaman kini.

Oleh itu maka kajian berhubung dengan konsep perpaduan Islam tidak boleh dilihat berdasarkan kepada apa yang berlaku dan dialami oleh umat Islam sekarang, tetapi mestilah dikaji secara mendalam dari ajaran Islam secara langsung melalui sumbernya sendiri, di samping melihat realiti dan situasi umat Islam dan tanahair mereka di ambang kejatuhan ke dalam belenggu penjajah dan apakah langkah-langkah jahat penjajah itu terhadap Islam dan pengganutnya sehingga mempengaruhi mereka dan memberi kesan bukan sahaja dalam hubungan sesama mereka, tetapi mempengaruhi kefahaman mereka terhadap Islam yang dianuti dan dikasihi itu.

Realiti umat Islam di Malaysia

Hanya beberapa abad selepas kedatangan Islam di Malaysia, ajarannya tidaklah bertunjang dengan teguh secara syumul, di mana adat-adat dan saki-baki kefahaman jahiliyah masih berada. Negeri-negeri Melayu, raja-raja dan rakyatnya masih berpecah oleh asobiyah jahiliyah, rakyatnya berpecah dan bertempur dalam perkara remeh temeh, tiba-tiba datang penjajah dengan semangat dan permusuhan solibiyah yang tebal kepada Islam dan pengganutnya. Kejayaan menakluki rantau ini tidaklah sekadar menjajah bumi; mengangkut hasil mahsul dan memeras tenaga manusia untuk kepentingan kebendaan semata-mata, tetapi mereka juga memberi

perhatian yang serious kepada Islam yang dianggap punca kekuatan umat yang tidak mudah dicabut begitu sahaja.

Sebagaimana umat Islam di negeri-negeri lain menjadi sasaran perancangan memurtadkan dari Islam secara menyeluruh atau menerapkan fahaman sekularisme sehingga Islam tidak diberi peranan yang sepatutnya dalam mentadbir seluruh urusan manusia termasuklah juga urusan duniaawi, maka umat Islam di Malaysia juga menerima nasib yang sama. Walaupun masih menjadi pengganut Islam tetapi fahaman dan pengetahuan mereka tentang Islam menurut apa yang dirancang oleh penjajah, di mana mereka mengenal agama Islam menurut takrif agama secara Barat.

Untuk menyedapkan rasa umat Islam yang berfahaman begitu mereka mengadakan Jabatan Hal Ehwal Agama atau Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, sebenarnya sebagai langkah untuk mengawal kegiatan umat Islam dalam perkara agama supaya tidak lebih daripada apa yang diizinkan oleh kerajaan bukannya menurut Islam yang sem-purna yang diperintah oleh Allah, dan diberi kuasa untuk mengambil tindakan ke atas orang-orang Islam dalam perkara jenayah ugama menurut tafsiran mereka di samping menjalankan kegiatan ugama yang dikira tidak menjasksan kerajaan. Adapun dalam urusan yang lain semuanya di bawah pengendalian pegawai-pegawai penjajah atau orang-orang Islam yang tunduk di bawah arahan mereka. Akhirnya inilah cara pentadbiran yang dilihat oleh umat Islam dan inilah juga cara Islam menurut fahaman mereka.

Di bidang pelajaran dan pendidikan diwujudkan dualisme dalam dasar dan perlaksanaannya, iaitu jurusan agama lisme dalam dasar dan perlaksanaannya, iaitu jurusan agama yang dipisahkan dari memahami hal-hal tadbir Islam terhadap urusan dunia, dan pengajian agama yang diamalkan ialah dengan memberi penekanan kepada perbincangan furu' yang biasanya penuh dengan masalah khilafiah dengan cara yang jauh dari waqi' yang dihadapi oleh umat Islam untuk menyelesaikan masalah semasa atau menghadapi cabaran masa kini, sehingga menimbulkan perelingkahan yang membawa perpecahan oleh masalah furu' dan melupai perkara-perkara penting yang dialami oleh umat Islam.

Adapun pengajian dalam jurusan ilmu-ilmu duniawi dipisahkan dari agama, sehingga menyebabkan boleh menerima ideologi-ideologi asing bagi menyelesaikan masalah negara dan umat kerana tidak menyedari kesyumulan Islam dan tidak nampak adanya penyelesaian Islam lalu mereka mengganut berbagai-bagai ideologi dan berpecah menurut ideologi masing-masing dan menyertai perjuangan menurut partai-partai yang memperjuangkan ideologi-ideologi yang ada.

Inilah generasi yang dibentuk bagi mewarisi kemerdekaan yang dirancang oleh penjajah yang terpaksa menuhi tuntutan rakyat yang mendesak supaya diberi kemerdekaan di samping penjajah itu boleh mengambil kesempatan selepas merdeka, supaya terus bergantung kepada mereka, sehingga berada di bawah pengaruh mereka dengan perlaksanaan dasar dalam dan luar negeri yang

ditentukan kepada pemimpin-pemimpin yang dipacak dan dipertahankan habis-habisan dan menghalang tegaknya negara Islam yang tidak boleh dipermainkan dan dipergunakan oleh mereka.

Selepas kemerdekaan

Telah menjadi satu perkara yang diatur, bahawa mereka yang dapat mengekalkan realiti yang tersebut di atas diberi peranan untuk menerima kepimpinan negara dan masyarakat, lalu negara dilanda oleh perpecahan di antara golongan yang mempertahankan sekularisme dan golongan yang mahukan negara Islam.

Golongan yang pertama berpecah kepada ideologi-ideologi moden yang ada di dunia hari ini, yang dikira oleh mereka dapat menyelesaikan masalah negara. Ada yang menerima cara liberalisme Barat yang membubuhkan kapitalisme, pragmatisme dan sebagainya dan ada yang memilih cara sosialisme, lalu berpecahlah mereka menurut partai-partai yang ditubuhkan bagi memenuhi kehendak yang difahami oleh masing-masing golongan tanpa menyedari kesyumulan Islam dan umat Islam tidak boleh berjuang bagi menegakkan ideologi-ideologi lain, bahkan Islam itu tidak boleh ditandingi oleh ideologi-ideologi lain.

Perkara yang berlaku tepat dengan Firman Allah Ta'ala:

يَتَآءِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ تُطِيعُوأْ

فِرَبَّا مِنَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ يَرْدُو كُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كُفَّارٍ

وَكَيْفَ تَكُفُّرُونَ وَأَنْتُمْ تُتَلَّ عَلَيْكُمْ إِيمَانُ اللَّهِ وَفِي حَكْمِ
رَسُولِهِ، وَمَنْ يَعْنِصِمْ بِاللَّهِ فَقَدْ هُدِيَ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

maksudnya :

"Hai orang-orang yang beriman! Jika sekiranya kamu mentaati sebahagian dari orang-orang yang diberi al Kitab nescaya mereka memesongkan kamu selepas kamu beriman kamu menjadi orang-orang yang engkar, bagaimanakah kamu sampai menjadi orang-orang yang engkar padahal ayat-ayat Allah dibacakan kepada kamu dan Rasul pun berada di tengah-tengah kamu? Barangsiapa yang berpegang teguh kepada agama Allah maka sesungguhnya ia telah diberi petunjuk kepada jalan yang lurus".

Ali-'Imran : 100-101

Sebab nuzul ayat-ayat ini ialah peperangan yang hampir tercetus di antara kaum Muslimin dari kaum 'Aus dan Khazraj kerana terpengaruh dengan ucapan-ucapan ahli Kitab, dan semua sebab nuzulnya ayat-ayat Al Quran itu menjadi iktibar di sepanjang zaman.

Di negara kita hari ini terdapat hasil perancangan ahli Kitab itu, iaitu keengkaran terhadap peranan Islam lebih daripada perkara-perkara ibadat dengan menerima dan ber-

juang bagi menegakkan ideologi-ideologi asing dengan bersungguh-sungguh dan gigihnya, bukan sahaja dalam menentang seruan supaya kembali kepada Islam sehingga kepada menegakkan negara, tetapi bertarung di antara ideologi-ideologi itu. Maka berlakulah perpecahan.

Berbilangnya Jamaah Islam

Golongan Islam juga berjuang untuk menunaikan kewajiban menegakkan negara Islam. Walaupun di akhir-akhir ini terdapat kemajuan dalam kesedaran masyarakat untuk kembali ke arah Islam oleh peningkatan dakwah Islamiyyah yang berkembang di seluruh dunia melalui lisan dan tulisan yang dipelopori oleh harakah Islamiyah yang tersebar luas dan oleh kegagalan ideologi-ideologi ciptaan manusia samaada diamalkan di negeri-negeri umat Islam atau negeri-negeri bukan Islam yang melahirkan ideologi itu sendiri dan pendokongnya berjaya menegakkan negara tetapi berlaku kelemahan-kelemahan yang terdedah sehingga terpaksa dipinda dari asalnya.

Kesedaran untuk kembali kepada Islam berlaku dengan pesatnya di seluruh dunia termasuk di negara kita, sehingga suara Islam tidak seperti dahulu lagi, hanya kedengaran di masjid-masjid, surau-surau, pondok-pondok dan tempat-tempat pengajian Islam sahaja, tetapi merebak di merata-rata tempat dari pusat-pusat pengajian tinggi sehingga ke menara gading, menunjukkan satu perkembangan baik sehingga golongan sekular terpaksa mewujudkan program Islamisasi dan mengiktiraf tentang peranan Islam dalam beberapa hal tetapi bukannya semua perkara. Keadaan ini

sangat mengembirakan golongan Islam, akan tetapi kekurangan fahaman Islam secara mendalam dan semangat yang tidak dikawal dengan ilmu menyebabkan tumbuhnya perkara-perkara negatif yang mengganggu dalam urusan kesedaran Islam yang berlaku. Perkara ini dapat dilihat dengan tumbuhnya kumpulan-kumpulan Islam yang banyak dan berte lingkah di antara satu sama lain, pada hal sepatutnya umat Islam hendaklah berada dalam satu jamaah sahaja dengan pembahagian-pembahagian tugas sehingga merangkumi setiap penjuru kegiatan mengubah dan memimpin masyarakat ke arah Islam.

Mereka yang menimbulkan berbilang-bilang jamaah ini dan memberikan alasan-alasan berikut:

1. Jamaah yang pertama ditubuhkan mempunyai kelemahan-kelemahan dan belum berjaya mencapai kejayaan dalam perjuangannya
2. Jamaah yang dahulu tidak kamil dan syamil
3. Jamaah yang dahulu mengandungi perkara-perkara syubhat dan tidak syar'ie
4. Jamaah yang dahulu melakukan kesilapan-kesilapan yang banyak

Adakah menubuhkan jamaah-jamaah yang banyak itu boleh menyelesaikan masalah tersebut? Jawabnya, menimbulkan masalah baru lebih daripada dapat menyelesaikan yang sedia ada. Dan lebih merugikan kelancaran harakah Islamiyah di zaman maraknya kesedaran Islam, dan amat

membimbangkan terkena kepada kita Firman Allah Ta'ala:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَأَخْتَلُفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ

وَأُولَئِكَ هُمُ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٤﴾ شَوَّالُ الْعَدْلِ

maksudnya:

"Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang bercerai-berai dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka. Mereka lah orang-orang yang mendapat siksa yang berat".

Ali-Imran : 105

Dan jelas terdedah di hadapan kita masalah-masalah di antaranya ialah :

- 1 - Menyebabkan kekeliruan di kalangan mereka yang muhu kepada Islam tetapi masih jahil
- 2 - Memecahkan kekuatan umat Islam dan memudahkan musuh
- 3 - Membawa taksub kepada jamaah dan pemimpin lebih daripada kepentingan Islam
- 4 - Menghabiskan masa kepada masalah-masalah sampingan dan bertarung sesama sendiri
- 5 - Mengurangkan walak kepada Allah dan Rasul kerana muhu memenangkan hujjah kumpulannya sahaja
- 6 - Semuanya tidak mencapai matlamat kerana gangguan-gangguan tersebut

Cadangan penyelesaian :

Oleh kerana perpaduan umat Islam adalah wajib dan menjadi syarat penting untuk mengembalikan maruah mereka, hendaklah usaha-usaha dengan sesungguhnya dilakukan, kerana punca perpecahan mereka ialah kejahilan dan perpecahan musuh, maka langkah-langkah perlu diambil bagi memperkenalkan Islam yang sebenar melalui sumbernya dengan cara yang benar dan amanah dan memperkenalkan musuh dan ideologi-ideologinya hendaklah dilakukan di semua peringkat dan lapisan, samada di kalangan mereka yang terjebak ke dalam perjuangan ideologi-ideologi asing atau di kalangan mereka yang berada dalam arus kesedaran Islam. Tetapi terlatah dengan kerja yang memberi kesan yang negatif kepada harakah Islamiyyah.

Kepada golongan pertama hendaklah diambil langkah-langkah berikut:

1. Memberi kesedaran Islam.

Memberi kesedaran dengan memperkenalkan Islam sebagai Ad-Deen yang kamil dan mutakamil, bukannya menurut takrif agama yang diperkenalkan oleh musuh. Tetapi Islam yang terkadung di dalamnya perkara-perkara yang berhubung dengan ruh dan jasad, individu dan masyarakat, negara dan antarabangsa dan penyelesaian Islam terhadap masalah semasa.

2. Memperkenalkan Ideologi-Ideologi moden.

Pengajian Islam yang berhubung dengan aqidah hendaklah dihuraikan dengan realiti yang ada sekarang, bukan sahaja dengan menghujjahkan fahaman-fahaman asing yang

lahir di zaman silam melalui kitab-kitab yang di karang pada masa itu seperti Jabariah, Muktazilah dan sebagainya. Tetapi hendaklah diperkenalkan juga ideologi-ideologi masa kini yang juga bercanggah dengan ajaran Islam dengan hujjah-hujjah nakliyyah dan akliyyah.

Perpaduan di kalangan Jamaah Islam:

Hendaklah disedari bahawa perpaduan umat Islam adalah wajib, maka wajiblah juga diadakan penyelesaian terhadap perselisihan di kalangan mereka samada dalam konteks individu atau jamaah. Oleh itu dikemukakan cadangan-cadangan berikut:

1. Dahulukan memberi penekanan kepada perkara-perkara prinsip yang mempunyai titik persamaan di kalangan mereka, dan sumber bersama yang menjadi rujukan mereka iaitu kitab Allah, Sunah Rasul SAW dan pandangan-pandangan ulamak muktabar kepada semua golongan.
2. Menghidupkan ukhwah Islamiyyah (persaudaraan Islam) dengan menghidupkan kembali sifat-sifatnya iaitu:

A. Persaudaraan yang ikhlas kerana Allah, sebagaimana sabda Nabi SAW:

وَأَن يُحِبَ الْمُرِءُ لَا يُحِبَ إِلَّا لَهُ .

maksudnya :

"Di antara tanda-tanda kemanisan iman itu ialah bahawa ia kasih kepada seseorang kerana Allah."

Riwayat Bukhari

B. Persaudaraan yang dibina di atas iman dan taqwa, kerana Firman Allah:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوٌ فَاصْبِرْ حُوَابِينَ أَخْرَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ

لَعْلَكُمْ تَرَحَمُونَ ﴿١٧﴾ سُورَةُ الْحُجَّةِ

maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara, oleh itu maka damaikanlah di antara dua saudaramu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat. Al-Hujurat : 10

Firman Allah:

الْأَخْلَاءُ يَوْمَئِذٍ

بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌ لَا أَمْتَقِينَ ﴿٦٧﴾ سُورَةُ الزُّكْرُوفِ

maksudnya:

"Teman-teman akrab pada hari itu (hari kiamat) sebahagiannya menjadi musuh kepada sebahagian yang lain kecuali orang-orang yang bertaqwa."

Al-Zukhruf : 67

C. Persaudaraan yang beriltizam dengan ajaran Islam, kerana sabda Rasul SAW:

. وَرِجْلَانِ تَحَابَا فِي اللَّهِ اجْتَمَعاً عَلَيْهِ وَافْتَرَقا عَلَيْهِ .

maksudnya:

"Dua orang yang berkasih sayang kerana Allah dia berkumpul di atas ajaranNya dan berpisah kerana bertugas di atas ajaranNya".

Riwayat Bukhari

D. Nasihat menasihati kerana Allah, kerana hadith riwayat Jarir bin Abdullah RA:

بِاَيْمَتِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
عَلَى إِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالنَّصْحِ لِكُلِّ مُسْلِمٍ

"Aku telah berbaiah kepada Rasulullah SAW supaya mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan bernasihat kepada setiap orang Islam."

Riwayat Bukhari dan Muslim

E. Bertolong menolong dalam perkara yang baik di masa senang dan susah, kerana Firman Allah:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالنَّقْوَىٰ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

maksudnya:

"Dan bertolong menolonglah kamu dalam perkara kebaikan dan taqwa."

Al-Maaidah : 2

Dan sabda Rasulullah SAW:

الؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضا

maksudnya:

"Hubungan seseorang yang beriman dengan orang yang beriman yang lain seperti bangunan di mana batu-batunya sokong menyokong di antara satu sama lain."

Muttafaqun' alaih

3. Mengadakan pertemuan di kalangan jamaah-jamaah Islam yang mempunyai persamaan dalam memperjuangkan Islam yang syumul pada prinsip dan matlamatnya untuk mengatasi masalah dan cabaran bersama di samping mewujudkan penyelarasan dalam amal Islami supaya tidak bertindih tenaga yang merugikan, dan berkerjasama dalam beberapa hal ke arah mengeratkan hubungan di antara satu sama lain dan membulatkan tenaga umat Islam.

Penutup

Demikianlah perpaduan menurut Islam yang menjadi kewajipan semua anggota umatnya, dan hendaklah memandang realiti yang kita tidak boleh menyekatnya, seperti wujudnya kelemahan kita sendiri dan kejailan di kalangan

kita mudah-mudahan diampun oleh Allah dan diberi taufik hidayah kepada kita sekalian ke arah memberi khidmatnya, sumbangan tenaga dan fikiran demi kepentingan Islam dan penganutnya dan dikurniakan kepada kita ikhlas dalam amalan dan sumbangannya ke arah tersebut .

HAJI ABDUL HADI AWANG

Naib Yang DiPertua

Partai Islam SeMalaysia (PAS)

Rusila

TERENGGANU DARUL IMAN.

10 JUN 1992



**Amanah
Asas
Kejayaan**